



# **PEMANTAUAN DAN PENYELIAAN JURUAUDIT PIE DAN KUMPULAN WANG JADUAL**

Lembaga Pemantauan Audit (AOB) melaksanakan pelbagai inisiatif pemantauan dan penyeliaan bagi mengekalkan integriti dan kualiti audit yang dijalankan ke atas entiti berkepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual. Rangka kerja pengawasannya merangkumi pendaftaran/pengiktirafan firma audit dan juruaudit individu, pemeriksaan berkala serta tindakan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian audit dan etika antarabangsa.

Kriteria dan syarat pendaftaran serta pengiktirafan ditetapkan bagi memastikan hanya juruaudit yang kompeten, berkelayakan dan bebas dibenarkan mengaudit PIE dan kumpulan wang jadual. Firma Audit Utama diperiksa setiap tahun, manakala Firma Audit Lain disemak sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun, mencerminkan pendekatan pemantauan berasaskan risiko. Pemeriksaan ini menilai sistem pengurusan kualiti di peringkat firma serta tugas audit di peringkat penglibatan, bagi memastikan pematuhan terhadap Piawaian Antarabangsa mengenai Pengurusan Kualiti (ISQM), Piawaian Antarabangsa mengenai Pengauditan (ISA) dan piawaian etika seperti yang diterima pakai oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA). Ketidakpatuhan terhadap piawaian profesional ini, bergantung pada sifat dan tahap kebimbangan, boleh mengakibatkan tindakan penguatkuasaan terhadap juruaudit.

## PENDAFTARAN DAN PENGIKTIRAFAN FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

Pendaftaran dan pengiktirafan firma audit serta juruaudit individu merupakan antara fungsi pengawalseliaan teras AOB. Aktiviti pendaftaran dan pengiktirafan firma audit dan juruaudit yang dilaksanakan sepanjang tahun pelaporan ditunjukkan dalam Jadual 1.

### JADUAL 1

Pendaftaran dan pengiktirafan


	Setakat 1 Januari 2025	Bil. pemohon baharu	Bil. penarikan balik / tidak diperbaharui	Bil. penggantungan	Setakat 31 Disember 2025
<b>Berdaftar</b>					
Firma audit	37	1	(1)	(1)	36
Juruaudit individu	377	29	(23)	(2)	381
<b>Diiktiraf</b>					
Firma audit asing	5	1	(1)	-	5
Juruaudit individu asing	16	7	(7)	-	16

Pada tahun 2025, AOB telah menggantung satu firma audit dan dua juruaudit individu selama dua tahun susulan kegagalan mereka untuk mematuhi keperluan berkaitan ISQM 1 dan ISA.

Carta 1 dan carta 2 masing-masing menunjukkan perincian mengenai bilangan firma audit dan juruaudit individu yang berdaftar dan diiktiraf oleh AOB serta bilangan PIE yang diaudit bagi tempoh lima tahun yang lalu.


**CARTA 1**

Statistik pendaftaran lima tahun bagi firma audit dan juruaudit individu berdaftar



**CARTA 2**

Statistik pengiktirafan lima tahun bagi firma audit asing dan juruaudit individu asing diiktiraf



## Kemasukan semula Individu yang Mempunyai Ulasan Buruk sebagai juruaudit berdaftar AOB

Keperluan dan kriteria pendaftaran AOB bertujuan memastikan hanya individu yang sesuai didaftarkan sebagai juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual. Langkah ini diambil bagi melindungi kualiti audit dan menjaga kepentingan awam.

Penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan AOB adalah berpandukan *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 (SCMA)*, *Buku Panduan bagi Pendaftaran dan Pengiktirafan AOB* serta garis panduan berkaitan. Kriteria tersebut lazimnya merangkumi tiga tonggak utama berikut:

- a) Karakter dan Integriti
  - Mesti menunjukkan kejujuran, keadilan dan tingkah laku beretika.
  - Tiada rekod penipuan, ketidakjujuran atau salah laku profesional.
  - Pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan piawaian profesional.
  - Kebebasan dan objektiviti dalam membuat pertimbangan profesional.
- b) Kompetensi dan Keupayaan
  - Memiliki kelayakan profesional yang sesuai contohnya, ahli MIA.
  - Pengalaman audit yang relevan, khususnya melibatkan PIE.
  - Pembangunan profesional berterusan bagi mengekalkan pengetahuan dan kemahiran.
  - Keupayaan untuk mengaplikasikan piawaian audit dan etika dengan berkesan.
- c) Kestabilan Kewangan
  - Mesti bertanggungjawab dari segi kewangan dan bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan.

Selaras dengan itu, proses kemasukan semula untuk mendaftarkan juruaudit individu yang mempunyai ulasan buruk terdahulu tertakluk kepada penilaian menyeluruh terhadap kesesuaian dan kebolehpercayaan juruaudit tersebut untuk melaksanakan audit yang berkualiti. Ulasan buruk tersebut boleh berpunca daripada tindakan penguatkuasaan AOB sebelum ini dan/atau tindakan oleh agensi kawal selia lain.

Kemasukan semula sebagai juruaudit berdaftar AOB tidak berlaku secara automatik. AOB menilai setiap permohonan kemasukan semula secara individu dan berdasarkan kes yang mengikut keadaan. Faktor yang dipertimbangkan termasuk sifat, keadaan pelanggaran terdahulu serta tahap kebimbangan.

Juruaudit mesti membuktikan semula kesesuaian dan kebolehpercayaan mereka serta menunjukkan bahawa isu-isu terdahulu telah ditangani. Tanggungjawab untuk membuktikan perkara tersebut terletak sepenuhnya pada juruaudit, yang perlu mengemukakan dokumen sokongan bagi menunjukkan bahawa isu yang membawa kepada ulasan buruk telah ditangani dan diperbetulkan, di samping memastikan bahawa semua keperluan pendaftaran semasa dipenuhi pada masa permohonan semula untuk didaftarkan dengan AOB.